


Tetamu Pilihan Allah



✦ **Hafizul Rasdi**
Pensyarah Open University Malaysia (OUM) Sarawak

Menunaikan haji merupakan rukun Islam yang kelima setelah mengucapkan dua kalimah syahadah, solat, zakat dan puasa. Ritual ibadat haji dilaksanakan setiap tahun oleh umat Islam yang mampu dari segenap pelosok dunia. Umat Islam berbondong-bondong datang ke tanah suci pada bulan haji sebagai persediaan menunaikan ibadat haji. Pelaksanaan ibadat haji bermula pada 8 Zulhijah ketika jemaah haji berkumpul dan bermalam di Mina seterusnya berwukuf di Arafah pada 9 Zulhijah, bermalam di Muzdalifah dan melontar jamrah pada 10, 11 dan 12 Zulhijah.

Dari segi bahasa, haji membawa erti *qasad*, iaitu tujuan atau mengunjungi. Dari segi istilah syarak pula, haji bermaksud berkunjung ke Baitullah untuk melaksanakan amalan ibadat haji seperti tawaf, sai, wukuf dan amalan-amalan lain pada masa tertentu untuk memenuhi panggilan Allah SWT dan mengharapakan keredaan-Nya. Yang dimaksudkan dengan masa tertentu adalah pada bulan-bulan haji bermula dari bulan Syawal hingga 10 hari pertama dalam bulan Zulhijah.

Terpilih atau tidak itu takdir Allah

Menjadi tetamu Allah di Tanah Suci adalah impian kebanyakan umat Islam di dunia. Di Malaysia, pada setiap tahun para pendeposit Tabung Haji menghantar surat rayuan agar mereka diberikan peluang ke Tanah Suci dengan kadar segera. Berikutan pandemik COVID-19, puluhan ribu jemaah haji tergendala giliran keberangkatan mereka ke Tanah Suci. Maka itu, episod turun naik ke pejabat Tabung Haji bermula sebagai usaha untuk membuat rayuan agar diberikan peluang untuk menjadi sebahagian daripada jemaah haji yang terpilih ke Haramain. Namun begitu, pada waktu ini sama ada kita terpilih menjadi tetamu Allah SWT atau sebaliknya hanya Dia yang Maha Mengetahui.

Pada hari ini, pendeposit Tabung Haji menghadapi cabaran yang besar untuk mendapatkan tempat ke Tanah Suci. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pendeposit yang sudah mempunyai simpanan yang

cukup, tetapi disebabkan giliran belum tiba mereka tidak dapat juga menunaikan haji. Ada juga yang sudah tiba giliran, tetapi kerajaan Arab Saudi pula yang menetapkan pelbagai syarat sehingga ada jemaah yang tidak dapat berangkat menunaikan haji kerana tidak menepati syarat yang ditetapkan. Lebih menyedihkan, terdapat jemaah yang baru hendak melangkah masuk ke dalam kapal terbang meninggalkan dunia sebelum sempat bermusafir. Mudah-mudahan Allah SWT hadiahkan syurga buatnya.

Inilah kuasa Allah SWT. Sebagai umat Islam, kita perlu beriman kepada qadqad dan qadar yang ditentukan oleh Allah SWT. Setelah kita berusaha sebaik mungkin, kembalikanlah segala-galanya kepada Allah SWT. Jika kita antara yang terpilih, maka jadikanlah sebagai peluang untuk benar-benar mengejar haji yang mabrur. Peluang berada di Tanah Suci mestilah dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk beribadat dan menghayati sirah perjuangan para rasul dan sahabat di sana. Sebaliknya, jika belum diizinkan sebagai tetamu Allah ke Tanah Suci, sewajarnya kita tidak berasa kecewa dan berputus asa dengan rahmat Allah SWT. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Barangkali kamu membenci sesuatu padahal hal tersebut amat baik bagimu, dan barangkali kamu menyukai sesuatu sedangkan hal tersebut amat buruk bagimu. Allah SWT Mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.” (*Surah al-Baqarah* 2:216.) Yang perlu disematkan dalam hati dan

minda ialah apa-apa yang telah diaturkan oleh Allah SWT adalah yang terbaik untuk kita.

Perjuangan ke Haramain

Tanah Suci tidak pernah kering dengan cerita dari satu kisah ke kisah berikutnya. Rezeki mendatangi Tanah Suci ibarat berjalan menelusuri lorong yang terang bercahaya. Menikmati keindahannya jiwa merontar-ronta tidak ingin keluar. Sungguh indah! Perjalanan ibadat yang merupakan satu perjuangan, merasai kehangatan suasana dan ikhlas demi meraih reda Allah SWT. Perjuangan ke Tanah Suci merupakan satu momen menarik yang indah untuk didengar. Hal ini dikatakan demikian kerana ibadat ini bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan rukun Islam, bahkan untuk memenuhi tuntutan jiwa yang sentiasa mencari keredaan sang Pencipta. Perjalanan yang menguji kesabaran, keikhlasan dan penyerahan diri kepada Allah SWT sepenuhnya merupakan satu proses untuk mendidik jiwa menjadi ummah yang seimbang.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Sekali haji yang mabrur lebih baik daripada dunia serta isinya. Sekali haji mabrur tidak ada baginya balasan kecuali syurga.” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Dipilih sebagai tetamu-Nya di Haramain adalah sebuah keberuntungan bagi setiap Muslim. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Baqarah* ayat 196 yang bermaksud, “Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah.” Niat untuk melaksanakan haji haruslah tulus dan ikhlas. Tujuan utama perjalanan ke Haramain adalah untuk mendekatkan diri, menyembah dan meminta pengampunan daripada Allah SWT. Dalam lafaz talbiah kita ungkapkan “*Labbaika Allahumma labbaik ...*” yang bermaksud “Aku penuhi panggilan-Mu ya Allah, aku penuhi panggilan-Mu. Aku penuhi panggilan-Mu ya Allah, tiada sekutu bagi-Mu, aku penuhi panggilan-Mu. Sesungguhnya segala puji, nikmat dan kerajaan hanyalah kepunyaan-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu.”

Lafaz talbiah yang diungkapkan semasa haji dan umrah dapat memperkukuh rasa kehambaan kepada Allah SWT. Keikhlasan dalam memuji Allah SWT memberikan kesedaran bahawa kita telah berjanji tidak akan menyekutukan Allah SWT. Sesungguhnya, suatu nikmat yang besar ketika dijemput sebagai tetamu-Nya ialah perasaan yang sukar digambarkan kerana lima rukun Islam sudah berjaya disempurnakan. Sungguh, Allah SWT Maha Pemberi Nikmat. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Ma'idah* ayat 3 yang bermaksud, “Pada hari ini telah Aku sempurnakan untukmu agamamu dan telah aku cukupkan nikmat-Ku dan telah Aku redai Islam itu sebagai agama bagimu.”

Persiapan dan adab yang perlu dilaksanakan

• Ikhlasikan niat

Niat merupakan perkara pokok bagi setiap amal ibadat yang dilakukan. Niat yang ikhlas dapat menghindarkan diri daripada bersikap sombong, ujub, riak, takbur seterusnya dapat membersihkan jiwa.

• Sumber kewangan yang halal

Menjadi tanggungjawab setiap Mukmin untuk memastikan sumber kewangan yang digunakan bagi tujuan menunaikan ibadat haji adalah daripada sumber yang halal.

• Bertaubat dengan sebenar-benar taubat

Sebelum memulakan perjalanan ke Tanah Suci, kita digalakkan untuk banyak bertaubat kepada Allah SWT. Berusahalah meninggalkan maksiat dan membaiki diri menjadi insan yang beramal soleh.

• Menunaikan hak Allah SWT

Sentiasalah mengingatkan diri agar menunaikan tanggungjawab yang diperintahkan oleh Allah SWT. Tunaikanlah solat fardu, membayar zakat dan melaksanakan nazar jika pernah berazar.

• Menyelesaikan urusan sesama manusia

Saling memaafkan sesama saudara-mara dan sahabat

handai serta kenalan, membayar hutang-piutang sekiranya ada, menulis wasiat untuk waris dan menyediakan bekalan yang cukup untuk ahli keluarga yang ditinggalkan.

• Memperbanyak doa kepada Allah SWT

Apabila dipilih sebagai tetamu-Nya, sudah pasti yang didambakan ialah reda Allah SWT. Maka itu, kita disarankan agar banyak berdoa dan berserah diri kepada-Nya agar dipermudahkan perjuangan ke Haramain kelak.

• Memperkukuh dan manambah ilmu pengetahuan

Latihlah diri sejak di tanah air untuk mengisi masa dengan membaca al-Quran, memahami dan mempelajari berkenaan fiqah serta manasik haji. Ilmu ini sudah pasti dapat membantu melancarkan proses menyempurnakan ibadat haji di Tanah Suci.

Persiapan mental, fizikal dan adab perlu disempurnakan sebelum keberangkatan ke Tanah Suci. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Baqarah* ayat 197 yang bermaksud, “Haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi. Barang siapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh berbuat fasik dan berbantah-bantahan dalam masa mengerjakan haji. Dan apa-apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, nescaya Allah SWT mengetahuinya. Berbekallah,

sesungguhnya sebaik-baik bekal ialah takwa. Dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal!”

Awas!

Haji merupakan perjuangan “menahan diri” yang pada akhirnya menjadi tarbiah jiwa untuk beroleh kesempurnaan akhlak dan peribadi. Menahan penglihatan daripada melihat perkara maksiat, menahan mulut daripada bercakap perkara buruk serta mengumpat, menahan amarah, ego, menahan segala sikap yang buruk pada diri dan seterusnya menahan diri daripada sifat bakhil dan tidak pernah puas dengan apa-apa yang ada. Dengan menahan diri dari semua sifat yang tidak baik ini, secara tidak langsung kita berusaha melatih diri menjadi Muslim yang berakhlak mulia. Penjagaan diri di Tanah Suci sangat penting bukan sahaja untuk melahirkan insan yang bersyukur tetapi juga dapat memantapkan pengisian hati dan jiwa. Pada akhirnya, pengisian rohani dapat dibentuk dan dimantapkan sepanjang berada di Tanah Suci.

Selain menahan diri untuk mendidik rohani, penjagaan diri di Tanah Suci juga meliputi penjagaan kesihatan akibat perubahan cuaca dan persekitaran. Sebelum berangkat mengerjakan haji, bakal haji diwajibkan untuk menerima suntikan vaksin bagi meningkatkan sistem imun badan daripada dijangkiti pelbagai penyakit. Keadaan yang padat di Tanah Suci memungkinkan jemaah terdedah dengan pelbagai jenis penyakit. Menjadi



Hubungan silaturahmi yang terjalin ketika mengerjakan haji akan berterusan selepas kembali ke tanah air.

satu kewajiban bagi setiap bakal haji untuk memastikan tahap kesihatan berada dalam keadaan yang baik dengan mengambil langkah-langkah penjagaan serta membawa bekalan ubat-ubatan.

Hikmah menjadi tetamu Allah

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Sekali haji yang mabrur lebih baik daripada dunia serta isinya. Sekali haji mabrur tidak ada baginya balasan kecuali syurga.” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim). Niat untuk mendapatkan haji yang mabrur haruslah dipupuk dari awal sebelum keberangkatan ke Tanah Suci dan apabila tiba di Tanah Suci hendaklah melaksanakan segala amal ibadat dan bersikap serta bertindak sesuai dengan syariat demi meraih reda Allah SWT agar mendapat haji yang mabrur.

Selain itu, kesempatan menjadi tetamu Allah SWT memberikan ruang dan peluang kepada para jemaah untuk menziarahi tempat-tempat bersejarah di Makkah dan Madinah. Aktiviti ziarah mampu mendatangkan rasa

keinsafan dalam diri. Para jemaah beroleh pengetahuan tentang perjuangan dan sirah nabi dalam usaha menyebarkan Islam. Dari situ, akan timbul rasa sayang dan kasih para jemaah kepada rasul dan para sahabat yang bermati-matian menyebarkan dan mempertahankan agama Islam sehingga kita dapat menganuti ajarannya pada masa ini.

Hikmah terbesar ialah hubungan silaturahmi sesama jemaah haji. Sepanjang tempoh berada di Tanah Suci, sudah pasti hubungan yang terjalin ibarat keluarga sendiri. Hikmah ini akan membuahkan rasa syukur dan secara tidak langsung silaturahmi ini akan berterusan walaupun selepas tamat musim haji. Sesungguhnya perjalanan haji atau umrah adalah perjalanan seketika meninggalkan kesibukan dunia demi mencapai khusyuknya ibadat. Keberangkatan ke Tanah Suci memberikan sejuta hikmah dalam proses menyerahkan diri hanya kepada Allah SWT dan pastinya merupakan sebuah hadiah terindah dalam hidup setiap umat Islam. 🕌